



Submission date: 03/09/2018

Accepted date: 25/10/2018

**PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP AHLI KELUARGA  
BERDASARKAN KISAH NABI IBRAHIM A.S**

*Dakwah Approach toward Family Members Based on the Story of  
Prophet Ibrahim A.S*

Husna Husain

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

husnahusain@fsk.upsi.edu.my

**Abstrak**

Artikel berasaskan metod penyelidikan analisis dokumen ini cuba menganalisa pendekatan dakwah dan tarbiyyah yang dilakukan oleh nabi Ibrahim AS terhadap ahli keluarganya melalui ayat-ayat al-Quran berkaitan kisah baginda. Dapatan kajian menunjukkan, nabi Ibrahim AS menggunakan pendekatan yang hikmah serta sesuai dengan situasi sasaran dakwahnya, dan sangat perlu untuk diaplikasikan oleh umat Islam kini.

Kata kunci: dakwah keluarga, kisah nabi Ibrahim.

**Abstract**

This article, which is based on document analysis try to analyze dakwah approach implemented by prophet Ibrahim AS on his family members. This study found that the prophet Ibrahim AS has implement a hikmah approach among his dakwah target, which should be followed by Muslims nowadays.

Keywords: dakwah for family members, the story of prophet Ibrahim.

## PENDAHULUAN

Makna dan konsep dakwah kebiasaannya dikaitkan dengan usaha dakwah yang menyasarkan masyarakat sebagai mad'u secara khusus sehingga kadangkala meninggalkan sasaran dakwah yang lebih utama, iaitu ahli keluarga terdekat. Justifikasi terhadap situasi ini berkemungkinan disebabkan anggapan bahawa hukum melakukan dakwah itu adalah fardu kifayah dan bukannya fardu ain sebagaimana munculnya perbincangan berkaitan hal ini dalam kalangan ulama' dengan hujah-hujah yang tersendiri. Menurut Muhammad Abu Zahrah (t.t), apabila melihat kepada usaha dan tenaga yang telah dicurahkan oleh para sahabat dan tabiin yang masing-masing mengambil bahagian secara optimum terhadap usaha dakwah, maka dapat difahami bahawa dakwah itu adalah fardu ain. Di samping itu, ia menjadi fardu kifayah ke atas jemaah Islam. Dengan itu, hukum dakwah ke atas setiap muslim adalah kedua-duanya sekali. Pendapat ini turut diutarakan oleh tokoh-tokoh yang lain seperti Abdul Karim Zaidan (1976) dalam karyanya *Usul al-Dakwah*, Muhammad Abduh dalam Tafsir al-Manar (Rashid Redha, 2001) dan Sayid Nawfal (1977).

Justeru, fokus dakwah terhadap masyarakat perlu diseimbangkan dengan menumpukan terhadap proses dakwah dan tarbiyyah terhadap ahli keluarga terdekat sebagai keutamaan, kerana ahli masyarakat yang baik hakikatnya lahir daripada hasil keluarga yang mendapat pendidikan yang baik juga. Sebagaimana Allah Taala menyatakan perintahnya melalui surah al-Syu'ara ayat 214:

*Maksudnya: Dan berilah peringatan kepada ahli keluargamu yang terdekat.*

Setelah ayat ini diturunkan Rasulullah SAW lantas menyeru ahli keluarganya dan memperingati mereka akan azab Allah jika mereka tidak beriman, bermula dengan ahli keluarga Abdul Mutalib iaitu pakcik-pakcik saudaranya, anak-anaknya serta sahabat karib baginda (Al-Tabari, 2000: 19/404) Rasulullah SAW sendiri dengan jelas menunjukkan kepada kita kepatuhan baginda terhadap perintah Allah SWT ini, begitu juga para nabi dan rasul yang ditugaskan untuk menyampaikan risalah tauhid ini. Antara kisah yang boleh diambil 'ibrah berkaitan dakwah ini adalah melalui kisah nabi Ibrahim AS melalui kisahnya yang dinyatakan di dalam al-Quran.

## KETELADANAN NABI IBRAHIM AS

Umat Islam diperintahkan agar mengikuti teladan dan petunjuk yang disampaikan dan dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW kepada mereka. Di samping itu, Islam juga menggalakkan umatnya agar mengambil panduan dan ibrah daripada kisah-kisah para Nabi yang lain melalui kefahaman dan penghayatan terhadap kisah-kisah yang dipaparkan di dalam al-Quran. Inilah sebahagian daripada hikmah kisah-kisah di dalam al-Quran, kerana setiap kisah para Nabi di dalam al-Quran memiliki

spesifikasi dan situasi yang tersendiri, yang melaluinya Allah menyuruh manusia supaya berfikir akan teladan yang perlu diikuti daripada setiap kisah dan watak yang ditonjolkan (Sulaiman Duqur, 2012: 20).

Secara menyeluruh, didapati bahawa kisah dakwah nabi Ibrahim AS dan nabi Musa AS yang diceritakan di dalam al-Quran memiliki beberapa persamaan, meskipun sifat dan watak mereka berbeza. Persamaan khususnya dari sudut sasaran dakwah yang mereka hadapi terdiri daripada kaum mereka sendiri, ahli keluarga serta golongan pembesar. Walau bagaimanapun nabi Ibrahim memiliki kelebihan dari sudut dakwahnya terhadap ahli keluarga, khususnya terhadap bapanya kerana ia dinyatakan secara terperinci oleh Allah Taala di dalam al-Quran melalui dialog yang berlaku antara nabi Ibrahim dan bapanya dalam surah Maryam, selain peristiwa meninggalkan anak dan isterinya serta penyembelihan nabi Ismail AS. Justeru, ibrah tentang pendekatan dakwah terhadap ahli keluarga ini lebih sesuai untuk diambil teladan daripada kisah nabi Ibrahim berbanding kisah nabi Musa AS.

Selain itu, sifat dan perwatakan nabi Ibrahim juga dilihat lebih lembut, santun dan sabar berbanding nabi Musa AS yang memiliki sifat yang agak agresif dan responsif terhadap persekitarannya sesuai dengan situasi mad'u yang dihadapinya. Hal ini jelas melalui ayat Allah Taala yang menyifatkan nabi Ibrahim dengan sifat *hilm* melalui ayat-Nya:

*Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu lembut hati lagi Penyabar* (Surah al-Tawbah 9: 114).

*Hilm* itu bermaksud satu keadaan yang berada dalam ketenangan atau ketetapan hati ketika menghadapi suasana yang menjadikan seseorang marah atau tertekan. Sebahagian yang lain mendefinisikannya sebagai menahan diri serta mendahulukan akal daripada perasaan sehingga tenang dengan keputusan yang diambil (al-Asfahani, 1997: 253). Pelbagai situasi yang digambarkan oleh Allah berkaitan sifat sabar dan tenangnya nabi Ibrahim AS, antaranya kesabaran beliau menghadapi hujah dan kedegilan bapanya sendiri, permusuhan yang datang daripada kaum kerabatnya sendiri, penghijrahan beliau, peristiwa dibakar dengan api, ujian perintah Allah SWT agar menyembelih anaknya dan lain-lain lagi.

Selain itu, nabi Ibrahim juga disifatkan oleh Allah SWT sebagai *al-wafa*. Allah SWT berfirman:

*Maksudnya: Dan juga (dalam kitab-kitab) nabi Ibrahim yang memenuhi dengan sempurnanya segala yang diperintahkan kepadanya* (Surah al-Najm 53: 37).

*Al-wafa* menurut ahli bahasa adalah lawan kepada pengkhianatan (Mandzur, t.th: 6/4884). Oleh itu, *al-wafa* dari segi bahasa adalah berpegang teguh kepada janji dan tidak berkhianat kepada janjinya (Muhd. Najib, et.al, 2013: 61). Manakala menurut syariat Islam, *al-wafa* adalah berpegang teguh dengan apa yang telah dijanjikan dan hukumnya adalah wajib berdasarkan dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah (al-Kabisi, 2007: 60).

Nabi Ibrahim AS juga disifatkan dengan sifat *ummah*, taat serta berdiri teguh di atas dasar tauhid dan sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang dimilikinya. Berdasarkan ayat Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 120 hingga 121:

*Maksudnya: Sesungguhnya nabi Ibrahim adalah satu umat, ia taat sepenuhnya kepada Allah serta berdiri teguh di atas dasar tauhid, dan ia tidak pernah menjadi dari golongan orang-orang musyrik. Ia sentiasa bersyukur akan nikmat-nikmat Allah, Allah telah memilihnya (menjadi nabi) dan memberi petunjuk ke jalan yang lurus.*

Maksud *ummah* dalam ayat tersebut sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Abbas, ialah nabi Ibrahim merupakan satu-satunya muslim pada zamannya, justeru beliau menjadi ikutan oleh umat yang lain, dan diistilahkan sebagai *ummah* (Al-Wahidi, 2010: 13/224). Selain itu, ia dimaksudkan juga dengan guru ke arah kebaikan (Ibn ‘Atiyyah, 2001: 3/430).

Nabi Ibrahim juga disifatkan dengan sifat *al-awwah* sebagaimana dalam ayat 75 surah Hud:

*Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu penyabar, lembuh hati (bertimbang rasa) lagi suka kembali kepada Allah dengan mengerjakan amal bakti.*

Apa yang dimaksudkan dengan *al-awwah* yang merupakan satu-satunya perkataan disebut di dalam al-Quran adalah seorang yang banyak memohon keampunan atas kesalahan-kesalahannya sebagaimana dirakamkan beberapa doa yang dipanjatkan oleh nabi Ibrahim kepada Allah di dalam al-Quran.

Al-Tabari (2000: 17/316) pula mentafsirkannya sebagai seorang yang rendah hati atau khusyuk kepada Allah dan tunduk patuh terhadap perintahnya. Dalam ayat di atas dihipunkan ketiga-tiga sifat iaitu *al-hilm*, *al-awwah* dan *al-munib* iaitu suka kembali kepada apa yang Allah SWT redhai, adalah bertujuan untuk menerangkan sifat-sifat individu yang perlu ada bagi mereka yang mahu bermujadalah atau berbahas dan berbalas hujah dengan mad’u, iaitu hati yang lembut dan belas ihsan kepada orang lain (Al-Qasimi, 1998: 6/117). Gabungan sifat-sifat ini secara

keseluruhannya membentuk karakter dan watak yang lengkap sebagai seorang pendakwah yang berusaha menyampaikan risalah Islam kepada orang lain.

## **PENDEKATAN DAKWAH NABI IBRAHIM KE ATAS AHLI KELUARGANYA**

Dalam topik ini, al-Quran menggambarkan kepada pembacanya dua kelompok mad'u yang dihadapi oleh nabi Ibrahim dalam kalangan ahli keluarganya; iaitu bapanya Azar sebagai mad'u yang belum menerima Islam, dan isterinya Sarah dan Hajar serta anak-anaknya Ismail dan Ishak yang telah menerima Islam. Pendekatan yang dilakukan oleh nabi Ibrahim terhadap kedua-dua kelompok ini akan dianalisa berdasarkan ayat-ayat yang menyatakan tentangnya di dalam al-Quran.

### *Pendekatan Dakwah Nabi Ibrahim Terhadap Bapanya*

Al-Quran merakamkan dialog atau perbualan antara nabi Ibrahim dan bapanya Azar dalam surah-surah sebagaimana berikut;

#### 1. Surah al-An'am ayat 74.

*Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Aazar: Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata.*

Dalam ayat ini nabi Ibrahim mula mempersoalkan tentang berhala-berhala sembah bapanya dan kaumnya yang disifatkan oleh nabi Ibrahim sebagai sesuatu yang sesat dan menunjukkan kejahilan mereka yang berakal tidak memberi sebarang manfaat kepada mereka (Ibn Kathir, 1999: 3/258). Bermula di sini beliau mula berfikir mencari Tuhan yang sebenar sebagaimana dinyatakan dalam ayat-ayat selepasnya. Walaupun ayat ini ringkas sahaja, tetapi ia menunjukkan nada persoalan dan peringatan yang agak keras jika dibandingkan dengan pendekatan ayat yang beliau gunakan selepas meyakini ketauhidan Allah Yang Maha Esa, sebagaimana dirakamkan dalam ayat 41 hingga 48 dalam surah Maryam.

#### 2. Surah Maryam ayat 41-48.

*Maksudnya: Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Ibrahim; sesungguhnya adalah dia seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi. (41) Ketika dia berkata kepada bapanya: Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?. (42) Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul. (43) Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah*

*yang melimpah-limpah rahmatNya. (44) Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi Syaitan di dalam Neraka. (45) (Bapanya) menjawab: Patutkah engkau bencikan tuhan-tuhanku, wahai Ibrahim? Demi sesungguhnya jika engkau tidak berhenti daripada menyeru dan menasihati daku sudah tentu aku akan melontarmu dengan batu dan (ingatlah lebih baik) engkau tinggalkan daku sepanjang masa. (46) Nabi Ibrahim berkata: Selamat tinggallah ayah; aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu; sesungguhnya Dia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku. (47) Dan aku akan membawa diri meninggalkan kamu semua serta apa yang kamu sembah yang lain dari Allah dan aku akan beribadat kepada Tuhanku dengan ikhlas; mudah-mudahan aku dengan ibadatku kepada Tuhanku itu tidak menjadi hampa (dan derhaka seperti kamu).*

Ayat-ayat ini menyatakan dengan terperinci dialog antara nabi Ibrahim dan bapanya dalam usaha beliau mengajak bapanya meninggalkan sembah berhala dan menyembah Allah yang Satu. Dalam ayat ini menunjukkan bagaimana nabi Ibrahim AS menggunakan uslub bahasa yang lembut melalui penggunaan kata panggilan yang paling lembut iaitu (يأبئ) sebagai tanda rendah diri dan kasih sayang seruan dakwah seorang anak kepada ayahnya. Selain itu, kaedah lemah lembut ini juga untuk mengelakkan daripada tindak balas yang negatif dan keengganan mad'u untuk mendengar dan menerima seruan dakwahnya (Al-Qasimi, 1998: 7/99). Selain itu, perbezaan uslub bahasa yang digunakan antara ayat dalam surah Maryam ini dengan ayat dalam surah al-An'am di atas seolah-olah menunjukkan bahawa setelah nabi Ibrahim AS menerima risalah kenabiannya beliau benar-benar berusaha memujuk dan bukan semata-mata mengajak ayahnya menerima Islam dan meninggalkan sembah berhala.

Hasil pemerhatian daripada tafsiran terhadap ayat-ayat di atas, dapat disimpulkan beberapa perkara pendekatan dakwah yang dilakukan oleh nabi Ibrahim AS terhadap ayahnya seperti berikut;

1. Memujuk ayahnya dengan pujukan dan ajakan yang lemah lembut dan rendah diri meskipun beliau hakikatnya adalah seorang Nabi yang diberikan kelebihan risalah kepadanya. Namun, oleh sebab besarnya kasih sayang beliau kepada bapanya, serta ingin menjaga hubungan tali kekeluargaan antara anak dan ayah, maka beliau berusaha memujuknya dengan sebaik mungkin dan tanpa paksaan. Hal ini jelas dilihat daripada pengulangan kalimah (يأبئ) yang menunjukkan tawadhu' dan rendah hati nabi Ibrahim AS terhadap ayahnya. Selain itu, berdasarkan urutan kisah nabi Ibrahim AS ini, didapati bahawa beliau menyeru bapanya dahulu kepada Islam sebelum

kaumnya yang lain. Di sini menunjukkan bahwa beliau mementingkan ahli keluarganya sebagai sasaran dakwah yang utama sebelum yang lain.

2. Menurut Al-Zarqani (tt: 2/313), uslub al-Quran merangkumi gaya penyusunan perkataan dan pemilihan lafaz atau kalimah dalam al-Quran yang unik dan tersendiri. Oleh itu, sudah pastilah setiap susunan perkataan dan pemilihan lafaz ini memiliki hikmah tersendiri yang perlu ditadabbur dan dihayati oleh pembacanya. Justeru, daripada susunan ayat 41 hingga 48 surah Maryam yang menggambarkan *muhawarah* atau perbualan antara nabi Ibrahim dan bapanya ini, dapat dilihat langkah mujadalah yang baik yang Allah tunjukkan kepada hambanya sebagaimana berikut;

- i. Bermula dengan niat yang ikhlas dan disertakan dengan panggilan dan bahasa yang baik kepada mad'u seperti dinyatakan sebelum ini. Hal ini sebagaimana ayat perintah Allah Taala kepada Rasulullah SAW dalam surah Ali 'Imran ayat 159:

*Maksudnya: maka dengan sebab rahmat Allah engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.*

- ii. Mengemukakan persoalan yang logik dan diterima akal sebagai hujah untuk mad'u berfikir tentangnya. Hal ini sebagaimana dalam ayat 42 surah Maryam, di mana nabi Ibrahim AS memulakan proses dakwah memujuk ayahnya dengan persoalan tentang Tuhan yang disembahnya. Hal ini dianggap juga sebagai proses *mujamalah* atau pernyataan yang seolah-olah menyokong tetapi sebenarnya menolak, bertujuan untuk mengetuk pintu hati bapanya (Al-Biqā'I, t.t: 12/204)

- iii. Memberi unsur tarikan atau *targhib* untuk menarik hati dan sokongan mad'u agar cenderung kepada mesej tauhid yang disampaikan. Perkara ini dapat dilihat dalam ayat 43 surah Maryam, di mana nabi Ibrahim AS menyatakan kelebihan ilmu melalui risalah yang diutuskan kepadanya dengan bahasa yang santun, sehingga mampu menonjolkan bahawa kelebihan itu adalah sesuatu yang datang dan diberi kepadanya daripada Yang Maha Tinggi dan bukan daripadanya semata-mata (Muhd Najib, 2013). Unsur *targhib* ini adalah salah satu elemen penting dalam penyampaian dakwah yang berkesan.


- iv. Menekankan larangan dan ancaman berbentuk peringatan atau *tanzir* juga ancaman atau *tarhib* bertujuan untuk memberikan amaran dan nasihat agar menjauhi sesuatu perkara. Dalam konteks nabi Ibrahim AS dan ayahnya ini, beliau mengingatkan bapanya agar jangan menyembah syaitan iaitu dengan terus menyembah berhala, kerana sebenarnya syaitan telah mengkhianati dan ingkar dengan perintah Allah Taala, sedangkan Allah memiliki naungan rahmat yang sangat luas. Seterusnya, beliau menyuarakan kerisauannya bahawa ayahnya akan ditimpa azab neraka jika ingkar dan enggan menerima dan beriman dengan risalah tauhid yang dibawanya. Meskipun isi kandungan kata-kata nabi Ibrahim AS ini adalah berbentuk *tanzir* dan *tarhib*, namun beliau tetap konsisten dengan penggunaan bahasa yang lembut dan sopan. Gabungan pendekatan *targhib* dan *tarhib* ini adalah pendekatan dakwah yang telah dilakukan oleh para rasul yang bertujuan menggoncang dan melembutkan hati manusia untuk tunduk kepada perintah Allah SWT dan sangat perlu diaplikasikan dalam konteks dakwah semasa (Abdul Ghafar Don, et.al, 2011)
- v. Memberi tindak balas yang baik dan positif terhadap apa jua balasan daripada mad'u sama ada diterima atau ditolak. Hal ini ditunjukkan melalui ayat 47 dan 48 dalam surah Maryam yang menunjukkan tindak balas positif daripada nabi Ibrahim AS selepas ayahnya enggan menerima seruan dakwahnya. Bentuk tindak balas positif yang beliau lakukan adalah dengan mendoakan keselamatan kepada ayahnya, memohon keampunan dari Allah untuk bapanya dan diakhiri dengan pernyataan melepaskan diri daripada kesesatan yang dilakukan oleh bapanya. Sekalipun, sebagai seorang anak beliau pasti kecewa dan sedih dengan tindakan ayahnya itu, namun beliau redha kerana tugas beliau hanyalah menyampaikan dan bukannya memberi hidayah, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 56:

*Maksudnya: Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayat petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya dia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayat petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya) dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada*



*persediaan untuk) mendapat hidayat petunjuk (kepada memeluk Islam).*

### Rajah 1: Pendekatan *Mujadalah* Terhadap Ahli Keluarga Bukan Islam



### *Pendekatan Dakwah Nabi Ibrahim Terhadap Isteri dan Anaknya Yang Muslim*

Walaupun didapati bahawa tiada ayat yang menyatakan secara langsung tentang pendekatan dakwah nabi Ibrahim terhadap anak dan isterinya, namun pemerhatian terhadap subtopik ini tertumpu pada beberapa ayat yang menunjukkan interaksi tersebut secara tidak langsung melalui beberapa ayat al-Quran iaitu:

#### 1. Surah Ibrahim ayat 37.

*Maksudnya: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tidak ada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat).*

Ayat ini adalah doa nabi Ibrahim setelah meninggalkan isterinya Hajar dan anaknya yang baru lahir Ismail di satu tempat yang kering kontang dan tiada manusia. Terdapat hadis daripada Sahih Bukhari yang memberikan sedikit gambaran tentang peristiwa ini, iaitu:

*Maksudnya: Daripada Ibn Abbas, Rasulullah SAW bersabda: Wanita pertama yang memakai tali pinggang adalah Hajar AS. Beliau memakai tali pinggang pada pakaiannya bertujuan menghilangkan jejak mereka daripada pengetahuan Sarah. Ibrahim AS membawa Hajar dan anaknya yang masih menyusu sehingga ke satu tempat iaitu Mekkah pada hari ini, dan ketika itu tiada air didapati di situ. Maka Ibrahim meletakkan keduanya di situ dengan dibekalkan bekas tamar dan bekas air, lalu beliau terus meninggalkan mereka. Hajar mengekorinya sambil bertanya, ‘Wahai Ibrahim, ke mana kamu mahu pergi dan meninggalkan kami di lembah yang tiada air dan tiada apa-apa?’. Hajar mengulangi soalnya beberapa kali. Namun Ibrahim tetap terus berjalan. Lalu Hajar berkata, ‘Adakah Allah yang memerintahkanmu dengan perkara ini?’. Ibrahim menjawab, ‘Ya’. Hajar berkata, ‘Tidak mengapa Allah tidak akan membiarkan kami begitu sahaja’. Kemudian Hajar kembali ke tempat tadi dan Ibrahim meneruskan perjalanannya hingga sampai ke Thaniyyah di mana mereka tidak dapat melihatnya lagi lalu mengadapkan wajahnya ke Bait al-Haram sambil berdoa.. (Al-Bukhari, no. hadis: 3184)*

2. Surah Al-Saffat ayat 99-100 berkenaan peristiwa penyembelihan nabi Ismail AS. *Maksudnya: Dan Nabi Ibrahim pula berkata: Aku hendak (meninggalkan kamu) pergi kepada Tuhanku, Dia akan memimpinku (ke jalan yang benar). (99) Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang terhitung dari orang-orang yang soleh! (100) Lalu Kami berikan kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa dia akan beroleh seorang anak yang penyabar. (101) Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?. Anaknya menjawab: Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar. (102) Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu) dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya di atas tompok tanah, (Kami sifatkan Ibrahim dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami). (103) Serta Kami menyerunya: Wahai Ibrahim! (104) Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. (105) Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata. (106) Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar. (107) Dan Kami kekalkan baginya (nama yang harum) dalam kalangan orang-orang yang datang kemudian. (108) Salam sejahtera kepada Nabi Ibrahim!. (109) Demikianlah Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. (110) Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu dari hamba-hamba Kami yang beriman.*

3. Surah al-Baqarah ayat 124-127 tentang peristiwa pembinaan Kaabah oleh nabi Ibrahim AS dan nabi Ismail AS.

*Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa Kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: (Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan). Allah berfirman: (Permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim. (124) Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman dan jadikanlah oleh Kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidilharam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk dan sujud. (125) Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka. Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab Neraka dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. (126) Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggalkan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

4. Surah al-Baqarah ayat 132-133 tentang wasiat nabi Ibrahim kepada anak-anaknya.

*Maksudnya: Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam. (132) (Demikianlah wasiat Nabi Yaakub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi)! Kamu tiada hadir ketika Nabi Yaakub hampir mati, ketika dia berkata kepada anak-anaknya: Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati? Mereka menjawab: Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan Yang Maha Esa dan kepadaNyalah sahaja kami berserah diri.*

Daripada pemerhatian terhadap ayat-ayat tersebut, terdapat beberapa perkara yang boleh dijadikan ibrah dan panduan dalam menyampaikan dakwah dan proses tarbiyyah kepada ahli keluarga, khususnya panduan kepada para bapa sebagai imam atau ketua keluarga.

1. Berpegang teguh, thabat dan tegas dalam melaksanakan perintah Allah SWT. Daripada ayat pertama dan kedua di atas, menunjukkan bagaimana nabi Ibrahim menjalankan perintah Allah kepadanya dengan penuh ketaatan meskipun perintah itu secara dasarnya dilihat sebagai sesuatu yang tidak masuk akal dan bersifat kejam. Nabi Ibrahim AS walaupun seorang yang *halim* atau lemah lembut dan santun, namun dalam hal ketaatan kepada Allah SWT beliau tidak berkompromi. Di sinilah letaknya hakikat sebenar tawakal seorang hamba kepada Tuhannya, kerana keyakinan dan keimanan yang sepenuhnya kepada Allah SWT (Al-Qurtubi, 1964: 15/98). Begitu juga para bapa pada hari ini, perlu bertegas dalam usaha menjalankan perintah Allah dalam keluarganya. Jangan kerana ujian pujuk rayu isteri dan anak menyebabkan mereka menjadi longgar dalam menerapkan aqidah, syariat dan akhlak dalam kehidupan seharian mereka. Jika hal ini berlaku, proses dakwah ke jalan Allah dalam keluarga tidak akan berlaku.

Ketegasan dalam menjalankan perintah Allah SWT apabila ia menjadi kebiasaan, kesannya anak dan isteri tidak menganggapnya sebagai bebanan, bahkan memberikan kesan dalam pembinaan sifat mulia dalam diri mereka juga. Justeru kita boleh katakan bahawa ketegasan yang dilazimi akan menimbulkan kebiasaan yang memberi kesan kepada sahsiah dan perwatakan ahli keluarga.

2. Contoh teladan yang baik daripada seorang bapa. Satu perkara yang nyata daripada kesemua ayat di atas adalah contoh yang ditunjukkan oleh nabi Ibrahim AS sebagai seorang bapa yang bersama-sama melakukan ketaatan dan perintah Allah SWT. Beliau tidak hanya memberikan arahan, sebaliknya bersama-sama melakukan perintah tersebut. Hal ini dapat dilihat daripada kebersamaan Ibrahim dan Ismail membersihkan Bait al-Haram dan Kaabah, juga contoh teladannya yang teguh berpegang dengan perintah Allah dan Islam. Sebagaimana kemurkaan Allah SWT terhadap golongan yang hanya bercakap tetapi tidak melakukannya dalam surah al-Saf ayat 2-3:

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! (2) Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.*

Perkara ini yang disebutkan oleh Abdullah Nasih Ulwan (1978: 607) sebagai *al-tarbiyyah bi al-qudwah* atau pendidikan dengan cara teladan.


### 3. Kepentingan dialog dalam dakwah kepada ahli keluarga.

Apa yang dimaksudkan dengan dialog adalah komunikasi dua hala secara lisan antara bapa dan anak-anak. Ibrah daripada ayat 132 surah al-Baqarah ini menunjukkan bagaimana nabi Ibrahim AS dan nabi Yaakub AS meninggalkan wasiat atau nasihat dan pesanan kepada anak-anaknya agar istiqamah dengan Islam sehinggalah ajal mereka tiba, kerana tiada kebaikan bagi mereka yang mati dalam keadaan selain dari Islam (Al-Zamakhsyari, 1985: 1/192).

Manakala dalam ayat 133 pula menunjukkan bagaimana ketika hampir ajal nabi Yaakub AS sekalipun, dia masih bertanyakan kepada anak-anaknya dengan tujuan untuk memperingatkan mereka agar tetap beriman dengan Allah dan berpegang teguh dengan Islam. Kedua-dua dialog dalam bentuk nasihat, wasiat dan pertanyaan ini sebenarnya menunjukkan peri pentingnya seorang bapa berterusan memantau dan memberi peringatan iman kepada anak-anaknya walaupun mereka telah dewasa.

Penulis cenderung untuk menegaskan bahawa bapa pada hari ini perlu memperbanyakkan dialog lisan dan nasihat kepada anak-anak dan isteri mereka berdasarkan contoh yang ditunjukkan oleh para nabi tadi. Hal ini jelas penting apabila dibuat perbandingan dengan watak ibu dalam kisah-kisah al-Quran, Allah SWT menggambarkan watak ibu antaranya Ummu Musa dan Maryam, dengan gambaran kekuatan emosi dan jiwa mereka dan bukannya dengan dialog dengan anak-anak sebagaimana digambarkan terhadap watak-watak bapa termasuklah nabi Ibrahim AS, nabi Yaakub AS serta Luqman al-Hakim. Hal ini apabila dipraktikkan oleh para bapa ternyata memberi kesan yang baik kepada anak-anak kerana Allah SWT telah menganugerahkan *himmah* dan *qawamah* atau kewibawaan tersendiri secara fitrah kepada seorang lelaki.

**Rajah 1: Pendekatan Dakwah Terhadap Ahli Keluarga Islam**



## KESIMPULAN

Tugas dakwah kepada ahli keluarga adalah tanggungjawab yang wajib dilakukan oleh ketua keluarga juga semua ahli keluarganya. Hal ini menunjukkan bahawa setiap individu terikat dengan kewajipan fardu ain iaitu berdakwah ke arah kebaikan dan menegah daripada melakukan kemungkaran berdasarkan keadaan, ruang lingkup serta kemampuan yang ia miliki. Allah SWT melalui para nabi telah menunjukkan beberapa panduan untuk diikuti oleh umat Islam dalam konteks menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga sama ada yang sudah Islam atau bukan Islam, salah satunya melalui teladan daripada nabi Ibrahim AS. Secara khususnya didapati bahawa pendekatan terhadap ahli keluarga yang belum Islam perlu dilakukan secara lemah lembut dan santun serta tanpa paksaan, di samping mendoakan keselamatan dan keampunan buat mereka walau apa pun tindak balas yang diterima daripada mereka. Manakala ahli keluarga yang telah Islam, pendekatan dakwah perlu bermula dengan ketegasan dan thabat dalam melakukan ketaatan kepada Allah SWT, diikuti dengan menunjukkan contoh kebiasaan yang baik dan melazimi dialog dengan ahli keluarga tentang iman dan Islam, khususnya dilakukan oleh para bapa sebagai ketua keluarga.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan, Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2011). Dakwah kepada Non Muslim: Sorotan pendekatan Rasul Ulul Azmi. *Islamiyyat*, 33, 45-52.
- Abdul Karim Zaidan. (2001). *Usul al-dakwah*. Kuala Ketil, Kedah: Muassasah al-Risalah.
- Al-Asfahani, al-Raghib. (1997). *Mufradat al-faz al-Quran*. Cetakan ke 2. Beirut: al-Dar al-Syamiyah.
- Al-Biqā’I, Ibrahim bin Umar. (t.t). *Nazm al-durar fi tanasub al-ayat wa al-suwar*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Islamiy.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin. (1998). *Mahasin al-takwil*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. (1964). *Al-Jami’ li ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2000). *Jami’ al-bayan fi takwil al-Quran*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Wahidi, Al-Naisaburi. (2010). *Al-Tafsir al-basit*. Jilid 13. Makkah: Imadat al-Bahs al-‘Ilmiy.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud. (1987). *Al-Kasysyaf ‘an haqaiq ghawamidh al-tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabiy.
- Al-Zurqani, Muhammad Abdul Azim. (t.t). *Manahil al-‘irfan*. United States: Matba’ah Isa al-Babiy al-Halabiy.

- Ibn ‘Atiyyah, Abu Muhammad Abd al-Haq. (2001). *Al-Muharrir al-wajiz fi tafsir al-Kitab al-Aziz*. Beirut: dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Muhammad Abu al-Fida’. (1999). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Manzur (t.t). *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Muhammad Abu Zahrah (t.t). *Al-Dakwah ila al-Islam*. United States: Dar al-Fikr al-Arabiy.
- Muhd. Najib Abdul Kadir, et.al. (2013). Metodologi dakwah kepada ibu bapa bukan Muslim berdasarkan kisah Nabi Ibrahim AS. *Islamiyyat*, 35(2), 57-66.
- Nasih Ulwan. (1978). *Tarbiyyat al-aulad fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Salam.
- Rashid Redha (2001). *Tafsir al-manar*. Jil.4. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Sayid Nawfal. (1977). *Al-Dakwah ila Allah Taala; Khasaisuha muqawwamatuha manahijuha*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Sulaiman Duqur. (2012). *Al-Manhaj fi qasas al-Quraniy*. Amman: Dar al-Qutuf li al-Nasyr wa al-Tauzi’.

